

**10 Februari 2009 (Selasa)**

**APMM tunjuk cara lupus bot bagi dijadikan tukun**

Oleh Haneeyzah Bariah Baharin haneeyzah@bharian.com.my



**Media lihat demonstrasi di perairan Pulau Kapas**

KUALA TERENGGANU: Buat pertama kali media didedah fungsi tugas Agensi Pengawalkuasa Maritim Malaysia (APMM) Wilayah Timur menerusi program Hari Bersama Media. Pada program itu media dibawa menaiki kapal induk KM Langkawi untuk melihat cara pelupusan bot yang dirampas untuk dijadikan tukun. Demonstrasi itu diadakan di perairan Pulau Kapas sempena sambutan Hari Maritim Malaysia.

Dalam sidang media selepas itu, Ketua Pengawal Kuasa APMM Wilayah Timur, Laksamana (M) Datuk Ismail Hamzah, berkata 459 nelayan asing yang menceroboh zon perairan dan perikanan di Terengganu, Kelantan dan Pahang ditahan sepanjang tahun lalu, meningkat 163 berbanding hanya 296 nelayan asing yang ditahan pada 2007. Hadir sama Ketua Pengawal Kuasa APMM Kuala Terengganu, Komander Syed Mohd Fuzi Syed Hasan dan Pengarah Operasi APMM Wilayah Timur, Kapten Adam Abdul Aziz.



**BOT ditenggelamkan di perairan Pulau Kapas.**

Hari Bersama Media itu diadakan sempena sambutan Hari Maritim Malaysia pada 15 Februari ini bagi memberi pendedahan kepada media untuk mengetahui dengan lebih dekat fungsi dan

tugas APMM menerusi interaksi dengan pegawai kanan serta pendedahan mengenai tugas penguatkuasaan yang dilaksanakan agensi itu. Katanya, jumlah bot yang ditahan APMM atas kesalahan sama juga meningkat kepada 49 tahun lalu, berbanding 34 bot tahun sebelumnya.

Beliau berkata, daripada 459 jumlah nelayan asing yang ditahan tahun lalu, 373 daripadanya adalah nelayan dari Vietnam, manakala 86 lagi dari Thailand dan bagi 2007, seramai 225 nelayan warga Vietnam ditangkap dan baki 71 lagi dari Thailand. Katanya, kejayaan itu membuktikan kerja keras APMM dalam mengawal dan menjaga keselamatan zon perairan serta perikanan negara yang kaya dengan hasil laut daripada diceroboh nelayan asing.



**PROSES penyelongkaran sebelum bot dilupuskan.**

"Daripada penahanan nelayan asing ini juga, kita memperoleh sejumlah RM140,535 hasil lelongan ikan sepanjang tiga tahun bermula 2007 dan nilai kompaun bernilai RM101,396 bagi tempoh sama. Pada tahun ini saja kita sudah melelong hasil laut yang dirampas bernilai RM4,020 dan kompaun sebanyak RM2,000.

"Kebanyakan lokasi yang sering diceroboh nelayan asing ialah sekitar kawasan pelantar minyak dan pulau yang mana dua tempat ini memang kaya dengan pelbagai hasil laut. Oleh itu, APMM menggiatkan kawalan dan pemeriksaan di kawasan tumpuan utama ini secara berkala bagi memelihara khazanah laut negara," katanya.

Beliau berkata, sepanjang dua tahun lalu, APMM sudah melupuskan aset nelayan asing yang menceroboh perairan negara ini yang dianggarkan bernilai RM1.16 juta, yang mana sejumlah RM933,984 nilai aset dilupuskan tahun lalu dan RM231,165 pada 2007. Dalam pada itu, beliau berkata, APMM dianggarkan mengutip denda berjumlah lebih RM51 juta daripada 83 kes nelayan asing yang ditahan kerana menceroboh zon perairan dan perikanan negara di Terengganu, Kelantan dan Pahang sepanjang tiga tahun sejak 2007.

Beliau bagaimanapun berkata, kebanyakan nelayan asing memilih untuk tidak membayar denda dikenakan, sebaliknya memilih menjalani hukuman penjara Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985.

## **10 Februari 2009 (Selasa)**

### **Pengurusan pusat zakat guna kereta mewah**

BARU-baru ini saya ke Dataran Shamelin di Taman Shamelin Perkasa untuk menjalankan urusan rasmi. Apa yang menarik perhatian saya ialah ketika meletakkan kenderaan di bahagian bawah bangunan itu, saya melihat ada beberapa petak letak kereta yang dikhaskan dan ia diisi dengan beberapa jenis kenderaan import.

Saya berfikir mungkin ia kepunyaan tokoh korporat yang berpejabat di situ. Ketika saya menjalankan urusan rasmi itu, terdetik hati saya bertanya kepada staf di situ siapakah tuan punya kenderaan terbabit.

Jawapan yang saya terima amatlah mengejutkan saya kerana ia kepunyaan pihak pengurusan Pusat Pungutan Zakat . Apa yang saya musykilkan ialah dengan keadaan ekonomi yang agak lembap sekarang, bagaimanakah pihak pengurusan Pusat Pungutan Zakat mampu memiliki kenderaan import yang harganya mencecah RM100,000 sebuah?

Dengan keadaan umat Islam yang nasibnya masih belum terbela sepenuhnya tambahan pula keadaan ekonomi sekarang, apa yang terjadi kepada duit pungutan zakat yang berjaya dikumpul beratus juta ringgit? Adakah ia dimanfaatkan oleh golongan asnaf atau disalahgunakan pihak tertentu untuk kepentingan sendiri?

Saya tidak mahu zakat yang saya bayar setiap tahun kepada Pusat Pungutan Zakat dimanfaatkan pihak tertentu atau disalahgunakan, sedangkan ia adalah hak golongan asnaf yang layak seperti yang termaktub dalam surah at-Taubah ayat 60.

**MUHAMMAD RAFFI HAIKAL, Cheras, Selangor.**

## **10 Februari 2009 (Selasa)**

### **Sentral: RM187j projek pembangunan PKNM**

Oleh Saadiah Ismail [bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)

**Program sehari bersama pelanggan perjelas kejayaan perbadanan sepanjang tahun lalu**

MELAKA: Sebanyak 26 projek prasarana dibangunkan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) di negeri ini sepanjang tahun lalu termasuk 17 bertindak sebagai perunding pengurusan projek (PMC), dengan nilai keseluruhan lebih RM187 juta. Pengurus Besarnya, Zainal Abu, berkata antara projek itu pembinaan tapak perusahaan kecil sederhana (PKS) di kawasan Ayer Panas, Serkam, Pulau Sebang dan Duyong bagi Fasa II, selain Pusat Usahawan Bumiputera di Serkam, kawasan rehat dan rawat (R&R) di beberapa lokasi dan tapak industri di Rembia. Selain

itu, katanya, PKNM turut bertanggungjawab melaksanakan enam projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), membabitkan peruntukan RM16.5 juta.

"PKNM bertindak sebagai PMC dalam projek pembinaan bangunan MITC Holdings, Kompleks Air Panas Gadek, Planetarium Melaka, menaik taraf beberapa jeti nelayan, mengubahsuai makmal toksikologi, menyediakan pelbagai kemudahan di kompleks sukan dan pusat latihan saudara baru. "Projek terbabit antara kejayaan yang dicapai PKNM sepanjang tahun lalu dan berharap sepanjang 2009 ini, kami akan menjadi sebuah organisasi korporat yang cemerlang," katanya ketika merasmikan Majlis Bersama Pelanggan di ruang legar Menara MITC, di Ayer Keroh, dekat sini. Program sehari itu bertujuan membantu pelanggan mendapatkan khidmat pengurusan yang terbaik, selain menerangkan kepada orang ramai mengenai produk disediakan oleh PKNM.

Zainal berkata, untuk menjadi sebuah organisasi korporat yang utama, pihaknya akan melaksanakan pelbagai jenis projek latihan dan promosi keusahawanan sepanjang tahun ini. "Antaranya, menganjurkan program perintis usahawan, kursus keusahawanan IKS dan penaja kecil serta seminar untuk usahawan francais," katanya.

## **12 Februari 2009 (Khamis)**

### **Sabah & Sarawak: Gondol bukit, parit tertimbus punca banjir, suhu panas**

Oleh Mohd Azrone Sarabatin [bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)



**PENGAMBILAN tanah bukit secara besar-besaran di Kampung Nongkolud, Menggatal, dikhawatiri menyebabkan perumahan Taman Bukit Sepanggar, Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu, tertimbus.**

### **Banyak kampung diancam bencana disebabkan aliran air tersekat**

KOTA KINABALU: Lebih 30,000 penduduk Teluk Sepanggar di pinggir bandar raya ini berdepan masalah banjir kilat dan suhu panas, dipercayai kesan pengambilan dan penggondolan tanah bukit untuk projek pembinaan perumahan serta bangunan komersial. Tinjauan Berita Harian mendapati beberapa kampung seperti Tebobon, Rampayan, Gudon dan Darau di Menggatal, dekat sini serta kawasan Jalan Sulaman berhampiran Taman Kingfisher Sulaman di sini, mudah dilanda banjir. Keadaan itu dikesan berpunca dari aliran air luar biasa berikutan kemusnahan

bukit dan pokok di kawasan berhampiran. Beberapa sungai turut dikesan tertimbus akibat runtuhan bukit yang gagal dikawal ketika pengambilan tanah bukit.

Pada masa sama, jalan sejauh 20 kilometer (km) menghubungkan lima kampung dari persimpangan Jalan Sulaman, dekat Kampung Penampang Baru, Sepanggar, di sini ke Kampung Salimbangun, Menggatal yang menjadi laluan mengangkut tanah bukit dari Kampung Kabagu, Numbak dan Salimbangun rosak teruk dengan sebahagian besarnya berlopak.



**PARIT tertimbus yang dipercayai menyebabkan banjir dikesan berpunca tanah bukit yang diambil secara berleluasa di Teluk Sepanggar berhampiran Kampung Gudon, Menggatal, Kota Kinabalu.**

Seorang penghuni Pangsapuri Universiti di Sepanggar, di sini, Azmi Ahim, 31, mendakwa Jalan Sulaman berhampiran Taman Kingfisher Sulaman akan dinaiki air setinggi satu meter sehingga sukar dilalui kenderaan setiap kali hujan lebat. Katanya, keadaan itu mula berlaku setahun lalu, dipercayai akibat kewujudan pelbagai projek komersial termasuk perumahan berhampiran laluan berkenaan. "Kami harap kerajaan negeri menggubal undang-undang melarang penggondolan bukit bagi memastikan masalah banjir dan pemanasan luar biasa dapat dikawal," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Karambunai, Datuk Jainab Ahmad, mengakui banyak kampung di kawasan itu mudah dilanda banjir, selain berlaku pemanasan luar biasa dikesan akibat penggondolan bukit. Katanya, kompaun kecil RM500 yang dikuatkuasakan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) terhadap individu atau kumpulan yang mengambil tanah bukit secara haram dan melanggar undang-undang terlalu rendah, menyebabkan ia tidak dipatuhi pihak terbabit.

Beliau yang juga Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian negeri berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) sepatutnya menggantung atau menarik balik lesen syarikat yang membeli tanah bukit supaya tidak diulangi pihak lain demi kepentingan awam. "Kita muah mereka dikenakan kompaun RM200,000 mengikut bidang kuasa Jabatan Tanah dan Ukur negeri supaya tidak menjalankan kegiatan penggondolan dan pengambilan tanah bukit sewenang-wenangnya.

**13 Februari (Jumaat)**

## **JPA perlu ganti proses kerja lapuk**

Oleh Johari Ibrahim joib@bharian.com.my



**ABDULLAH bersama Khalil (enam kanan) dan Sidek (lima kanan) bergambar selepas perasmian sambutan Jubli Intan JPA di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam.**

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) meningkatkan usaha melakukan perubahan inovatif dan kreatif bagi memperbaiki mutu perkhidmatan kepada rakyat, termasuk menggantikan proses kerja yang lapuk. Perdana Menteri berkata, langkah itu bagi memastikan sektor perkhidmatan awam berdaya saing dalam persekitaran yang berubah-ubah pada masa ini selain lebih berorientasikan pelanggan.

"Pelanggan kita kini lebih terpelajar dan mempunyai harapan yang amat tinggi terhadap kualiti, kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan yang diberikan. "Mereka juga semakin sedar hak mereka untuk mendapat layanan yang lebih adil daripada agensi kerajaan," katanya berucap merasmikan sambutan Jubli Intan JPA di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini semalam. Turut hadir Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Mohd Khalil Yaakob; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan dan Ketua Pengarah JPA, Tan Sri Ismail Adam.

Perdana Menteri berkata, pegawai JPA perlu mempunyai kemampuan untuk melakukan perubahan dinamik bukan saja dalam soal peningkatan kualiti modal insan, tetapi juga menerajui perubahan dalam sektor awam. "Proses kerja yang lapuk atau perkhidmatan tidak mesra rakyat perlu diteliti semula dan kalau wajar perlu diganti baru," katanya.

Abdullah berkata, penambahbaikan dalam perkhidmatan awam yang diterajui JPA bukan saja berupaya menghasilkan khidmat yang baik kepada rakyat tetapi juga mencipta peluang kepada pegawai yang dihantar belajar ke luar negara untuk kembali berkhidmat di negara ini.

"Saya sempat bertemu ramai orang dan antara perkara biasa yang dibincangkan khususnya di kalangan negara Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ialah adakah pegawai yang dihantar belajar di luar negara pulang berkhidmat dengan kerajaan. "Saya kata ya... boleh dikatakan semua balik berkhidmat dengan kerajaan dan mereka pula kata pegawai mereka banyak yang tidak balik ke negara asal," katanya.

Beliau berkata antara sebab pegawai awam pulang berkhidmat di tanah air ialah kerana kerajaan memberikan peluang secukupnya, termasuk kebajikan kakitangan, kepada kakitangannya. "Kita memberikan peluang kepada mereka yang dilatih untuk bekerja dalam sektor awam, gaji serta elaun berpatutan dan kerjaya yang boleh ditingkatkan lagi," katanya.

Beliau berkata, perubahan dalam perkhidmatan awam juga selari dengan globalisasi yang menuntut sesebuah negara mengasah lagi daya saingnya, manakala sektor swasta mengharapkan perkhidmatan awam mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif kepada mereka.

## **13 Februari (Jumaat)**

### **Kafeteria hospital diarah tutup**

Oleh Wan Faizal Ismayatim [wfaizal@bharian.com.my](mailto:wfaizal@bharian.com.my)



**PEMILIK kafeteria (dua dari kiri) dan pekerjaanya bertanyakannya sesuatu kepada penguat kuasa selepas menerima arahan ditutup premis selama dua minggu.**

KOTA BHARU: Sebuah kafeteria yang beroperasi dalam Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) dengan logo kebersihan Gred A, diarah tutup selama dua minggu mulai malam kelmarin oleh Jabatan Kesihatan Kelantan selepas mendapati ia beroperasi dalam keadaan kotor. Tindakan serta-merta itu diambil selepas pemeriksaan oleh penguat kuasa Jabatan Kesihatan Kelantan mendapati tahap kebersihan premis itu gagal mencapai 50 peratus. Timbalan Pengarah (Kesihatan Awam) Jabatan Kesihatan negeri, Dr Wan Mansor Hamzah, berkata selain diarah tutup dua minggu, logo Gred A yang dianugerahkan Jabatan Kesihatan dan Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) kira-kira lapan bulan lalu turut ditarik balik.

"Selain beroperasi dalam keadaan kotor, peti sejuknya didapati tidak bersih, manakala stor kantin itu pula yang terletak bersebelahan tandas yang dikhuatiri boleh menyebabkan jangkitan kuman serta bawaan penyakit kepada pelanggannya kerana makanan yang tidak bersih. "Kita memberi tempoh dua minggu kepada pengusaha itu untuk memastikan premis terbabit kembali bersih dan menepati piawaian ditetapkan," katanya kepada pemberita selepas mengetuai operasi itu bersama MPKB, malam kelmarin.

Dalam operasi membabitkan 20 penguat kuasa Jabatan Kesihatan itu, enam daripada tujuh premis makanan termasuk kantin HRPZ II terbabit disita atas pelbagai kesalahan termasuk beroperasi tanpa lesen MPKB, menggunakan bahan terlarang, premis kotor serta penyediaan bahan mentah yang tercemar.

Dr Wan Mansor berkata, pihaknya kini meningkatkan operasi terhadap premis makanan termasuk pada waktu malam di seluruh negeri bagi memastikan pengusaha makanan mematuhi peraturan ditetapkan serta memberi kesedaran kepada orang ramai supaya memilih premis yang bersih. Beliau berkata, sepanjang tahun lalu, pihaknya membuat pemeriksaan terhadap kira-kira 7,000 daripada 14,000 premis makanan seluruh negeri dengan tiga peratus daripada jumlah itu atau 230 premis diarahkan tutup kerana tahap kebersihannya yang rendah.

"Selain itu, kita menjalankan ujian terhadap 4,000 sampel makanan dan 14 peratus daripada sampel itu didapati tercemar dengan mikro organisme berupaya membawa penyakit seperti taun dan demam malaria," katanya.

## **13 Februari (Jumaat)**

### **RM5.3b laksana projek tebatan banjir RMK-9**

SUBANG: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengakui kesukaran yang dialami rakyat akibat bencana banjir akan sedikit sebanyak menghakis keyakinan mereka terhadap pelbagai program serta inisiatif tebatan banjir yang dilaksanakan kerajaan. Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan serius menangani bencana berkenaan dengan memperuntukkan perbelanjaan berjumlah berbilion-bilion ringgit bagi memastikan rakyat bebas daripada masalah itu. Katanya, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), sejumlah RM5.3 bilion diperuntukkan untuk membiayai 163 projek tebatan banjir di seluruh negara, peningkatan ketara berbanding RM2.1 bilion (RMK-8) dan RM890 juta (RMK-7).

"Banjir memberi kesan langsung terhadap pembangunan, kesejahteraan rakyat dan mencemar alam sekitar. Kesusahan rakyat akibat banjir akan menghakis keyakinan terhadap program dan inisiatif tebatan dilaksanakan kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan yang dibacakan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas pada majlis perasmian Projek Tebatan Banjir Sungai Damansara di Ara Damansara, di sini, semalam.

Abdullah berkata, gabungan kesan perubahan iklim dan aktiviti tanah tidak terancang serta tidak terkawal yang tidak mengambil kira sensitiviti alam sekitar boleh memburukkan lagi keadaan serta meningkatkan intensiti serta kekerapan banjir. "Dalam matlamat menjadi negara maju dan makmur, kita harus berusaha mencapai keseimbangan di antara pembangunan fizikal dan alam sekitar," katanya.

**14 Februari 2009 (Sabtu)**

### **Utara: Kontrak naik taraf Pelabuhan Swettenham ditamatkan**

GEORGETOWN: Kerajaan menamatkan kontrak syarikat yang mengendalikan projek menaik taraf Pelabuhan Swettenham di sini, bernilai kira-kira RM65 juta pada Disember lalu kerana gagal menyiapkannya mengikut jadual. Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP), Tan Cheng Liang, berkata selepas diberi peluang sebanyak tiga kali, syarikat berkenaan masih gagal menyiapkannya. Katanya, projek yang dimulakan pada Mei 2006 sepatutnya siap sepenuhnya dalam tempoh 18 bulan iaitu pada Julai 2007, tetapi sehingga November lalu hanya 85.7 peratus berjaya disiapkan.

"Kontraktor gagal menyiapkan projek itu sehingga menyebabkan Kementerian Kewangan bertindak menamatkan kontrak mereka serta merta selepas memberi peluang sehingga tiga kali untuk menyiapkan kerja. "Kementerian Kewangan mengambil tindakan itu kerana tidak mahu menambah lagi masalah sedia ada," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Pegawai Pemerintah Kapal Tentera Laut Amerika USS New Orleans (LPD18), Komander Scott Davies di sini, kelmarin. Difahamkan, syarikat yang mendapat kontrak menaik taraf jeti itu gagal menyiapkan projek kerana mengalami masalah kewangan.

Projek naik taraf Jeti Swettenham membabitkan pembinaan kawasan pelabuhan untuk kapal sepanjang 400 meter, terminal penumpang domestik dan antarabangsa. Pusat pemeriksaan kastam dan kuarantin, pejabat operasi dan pusat komersial serta terminal feri dari Langkawi dan Medan, Indonesia. Tan berkata, pihaknya akan menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi mencari jalan penyelesaian untuk memastikan kerja menaik taraf jeti itu dapat diteruskan.

**14 Februari 2009 (Sabtu)**

### **Tambahan RM4b tingkat Pelabuhan Tanjung Pelepas**

PELABUHAN Tanjung Pelepas (PTP) Johor, sebuah daripada pelabuhan yang paling pesat berkembang di dunia merancang membelanjakan RM4 bilion lagi dalam tempoh lima tahun akan datang untuk pengembangannya. Ketua Eksekutifnya, Kapten Ismail Hashim berkata, PTP memperuntukkan RM2.5 bilion di bawah fasa pertama pelan pengembangannya dan melihat kepada RM4 bilion lagi dalam fasa kedua. "Untuk pengembangan seterusnya kami akan menilainya ketika kami melangkah lebih jauh lagi," katanya.

Ismail berkata, PTP kini sedang menyiapkan limbungan 11 dan 12 yang masing-masing dijangka siap pada suku kedua dan suku ketiga tahun ini. Beliau berkata, PTP juga menempah lapan kren utama, dengan empat daripadanya dijangka tiba pada suku kedua tahun ini dan baki empat lagi pada suku ketiga. Kelengkapan baru lain termasuk 20 kren gantri bertayar getah yang dijadual tiba pada suku ketiga tahun ini dan 50 treler awal tahun ini, katanya.

"Dengan kelengkapan baru itu, kami sepatutnya boleh mengendalikan kira-kira 10 juta unit TEU (unit bersamaan 20 kaki) di 12 limbungan untuk pelanggan," katanya sambil menambah PTP kini turut mencari sehingga 400 pekerja baru.

Ismail menegaskan, berikutan kelembapan ekonomi global ketika ini, PTP giat mencari perniagaan baru untuk meningkatkan pendapatan. "Krisis ekonomi global ketika ini adalah peluang bagi kami kerana syarikat perkапalan terpaksa mengkaji semula situasi operasi mereka dan kami mempunyai kapasiti menawarkan kepada mereka harga yang kompetitif," katanya. - Bernama

## **16 Februari 2009 (Isnin)**

### **Rencana - Kisah kewibawaan, dedikasi seorang penjawat awam**

HARIMAU mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama, namun tidak semua manusia apa lagi jika tidak di kalangan tokoh politik atau bangsawan, dikenang jasa dan baktinya selepas kematian mereka. Jarang kisah perjuangan, pengorbanan serta sumbangan penjawat awam dan teknokrat, terutama yang berkhidmat di belakang tabir, dibukukan secara menyeluruh sama ada oleh mereka sendiri ketika hidup atau oleh orang lain apabila mereka sudah tiada lagi. Buku *The Quintessential Man - The Story of Tan Sri Azizan Zainul Abidin* yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Putrajaya, Rabu lalu adalah antara usaha mendokumentasikan sumbangan salah seorang daripada wira tidak didendang ini sebagai catatan sejarah untuk tatapan umum dan generasi akan datang.

Azizan (1935-2004), Pengurus Petronas dan Penerbangan Malaysia (MAS) serta Presiden Perbadanan Putrajaya ketika meninggal dunia pada 14 Julai hampir lima tahun lalu, mewakili penjawat awam tradisional yang mengutamakan integriti dan kejujuran serta tidak pernah berkata tidak apabila diberikan tanggungjawab membabitkan kepentingan negara. Buku setebal 385 halaman oleh Azam Aris tajaan Petronas ini bukan sekadar menceritakan kisah hidup Azizan, anak yatim dari Pulau Pinang sejak zamannya belajar di Penang Free School sehingga beliau memainkan peranan penting di sebalik pembinaan Menara Kembar Petronas dan Pusat Pentadbiran Putrajaya, tetapi secara tidak langsung memaparkan keazaman, dedikasi, kewibawaan dan kejujuran generasi penjawat awam yang hampir pupus sekarang.

Hakikat bahawa Azizan lebih sinonim dengan Petronas walaupun menyertai syarikat minyak nasional itu pada 1988, selepas 28 tahun berada dalam perkhidmatan awam kerana beliau lebih banyak memainkan peranan di belakang tabir serta sifat beliau sendiri yang perahsia dan tidak suka menonjolkan diri. Kerana itu, apabila pengumuman pelantikannya sebagai Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Petronas pada Januari 1988, ramai tidak mengenalinya walaupun jawatan terakhir beliau dalam kerajaan ialah Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri. Sebahagian besar kerjayanya dalam perkhidmatan awam lebih banyak tertumpu kepada tugas keselamatan dan belakang tadbir termasuk berada di jendela kuasa apabila menjadi Setiausaha

Sulit Kanan kepada tiga Perdana Menteri berturut-turut - Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Azizan adalah antara pegawai yang memainkan peranan penting dalam usaha Malaysia menamatkan konfrontasi dengan Indonesia; penubuhan Majlis Gerakan Negara (Mageran) selepas rusuhan kaum 13 Mei 1969, kemudiannya bertukar kepada Majlis Keselamatan Negara; menangani ancaman komunis pada 1970-an; dan Operasi Lalang pada 1987. Hubungan beliau dengan Abdullah bermula ketika mereka berkhidmat dengan Mageran. Walaupun Petronas sudah muncul sebagai syarikat petroleum yang berjaya ketika Azizan menyertainya pada 1988, beliaulah yang bertanggungjawab meletakkan Petronas pada kedudukan sekarang - syarikat Malaysia terbesar dan paling untung. Di bawah kepemimpinan beliaulah Petronas menjadi syarikat minyak dan gas bertaraf multinasional sepenuhnya dengan beroperasi di lebih 30 negara. Petronas juga adalah satu-satunya syarikat Malaysia berada di kalangan 500 firma terbesar dunia dari segi pendapatan selama lebih 12 tahun seperti disenaraikan oleh Fortune 500.

Di sebalik waktu dan tenaganya banyak dihabiskan untuk Petronas, Azizan tidak menolak apabila beliau diminta oleh Dr Mahathir supaya memantau pembinaan pusat pentadbiran baru kerajaan dengan mengetua Perbadanan Putrajaya dan membantu memulihkan MAS dengan menjadi pengurusnya ketika syarikat penerbangan itu teruk dilanda masalah kewangan.

Azam, bekas wartawan kanan Business Times yang kini salah seorang editor akhbar kewangan The Edge, mengambil masa tiga tahun untuk menyiapkan buku itu serta mengadakan temuramah peribadi dengan lebih 60 individu dan membuat rujukan ke atas 30 buku/makalah. Selain anggota keluarga dan kawan-kawan rapat Azizan, Dr Mahathir dan Abdullah turut memberi temuramah mengenai pengalaman mereka dengan Azizan. Malah, sebahagian besar hadirin pada majlis pelancaran buku itu minggu lalu adalah teman seangkatannya atau mereka yang pernah berurusan dengan Azizan termasuk dari Jepun dan Eropah, yang datang semata-mata kerana menghormati ketokohan beliau ketika hayatnya.

Azizan dan rakan segerasinya adalah produk sejarah negara yang sempat menyaksikan kesukaran hidup, pengorbanan, cabaran dan perubahan pesat negara. Pendudukan Jepun, darurat, kemiskinan dan gerakan nasionalis ketika itu memberi kesan besar kepada kehidupan zaman kanak-kanak dan remaja mereka.

Presiden Persatuan Sejarah Malaysia, Tan Sri Omar Hashim, antara teman rapat Azizan sejak zaman kanak-kanak di Pulau Pinang sehingga ke Universiti Malaya Singapura, ketika berucap di pelancaran buku itu berkata, kemerdekaan bukan saja menjanjikan kehidupan yang lebih baik tetapi menyediakan graduan muda pada akhir 1950-an berbakti kepada negara dengan penuh semangat dan tanggungjawab.

Asrama universiti di Dunearn Road, Singapura, tempat Azizan dan Omar serta tiga rakan karib mereka sejak di Penang Free School - Tan Sri Elyas Omar, Tan Sri Nashruddin Bahar dan Yusof Rahim - tinggal ketika itu, menjadi pusat kelahiran sebahagian besar generasi pertama

kakitangan awam dan teknokrat bagi mengisi jawatan strategik di sektor awam dan teknikal yang ditinggalkan oleh penjajah. Sebahagian mereka pula menjadi tokoh politik seperti Tun Musa Hitam, Dr Jayakumar, Ali Haji Ahmad, Dr Syed Hussin Ali dan Kassim Ahmad. "Dengan perkhidmatan awam negara diambil alih sepenuhnya oleh anak tempatan pada 1962, tanggungjawab membangunkan negara dipikul kumpulan ini, yang diberi jolokan sebagai Mafia Dunearn Road (oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi). Azizan adalah antara salah seorang daripada kumpulan perintis ini. Legasi pembentukan perkhidmatan awam moden dan cerita kejayaan Malaysia dalam semua bidang yang dirintis kerajaan, terhutang budi kepada generasi ini. "Kekuatan Azizan ialah integriti, kejujuran, kemampuan menyimpan rahsia penting serta kesediaannya menerima tugas dan tanggungjawab tanpa rungutan. Sifatnya yang tidak mementingkan diri menyebabkan beliau sering dipilih bekerja dengan Perdana Menteri membabitkan isu sensitif dan keselamatan negara," katanya.

Walaupun berada di jendela kuasa untuk tempoh yang lama dan selepas itu mengetuai syarikat terbesar negara, Azizan dan keluarga hidup cukup sederhana. Banglo keluarganya di Bukit Segambut dibina pada 1970-an di tanah kebun getah yang dibeli beliau bersama sekumpulan rakannya dalam perkhidmatan awam ketika itu pada harga 40 sen sekaki. Sebagai Pengurus Perbadanan Putrajaya, Azizan boleh tinggal di rumah yang disediakan, tetapi beliau memilih tinggal di rumah teres dua tingkat yang dibelinya di pusat pentadbiran itu, tempat beliau menghembuskan nafas terakhirnya.

Buku mengisahkan lelaki unggul ini seharusnya menjadi bacaan wajib terutama generasi muda yang mengetuai jabatan di sektor awam dan syarikat berkaitan kerajaan sekarang atau mereka yang bercita-cita untuk berkhidmat di jendela kuasa. Ini kerana integriti lebih mudah disebut daripada mengamalkannya.

## **16 Februari 2009 (Isnin)**

### **Pembangunan landskap atasi masalah hakisan tanah**

KUALA LUMPUR: Konsep dan perspektif pembangunan landskap perlu diperluaskan termasuk menjadikannya sebagai penyelesaian masalah hakisan tanah, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Perdana Menteri berkata, selain menghijaukan kawasan lapang dalam kawasan perbandaran serta mengindahkan kawasan, ia boleh mengubah cara hidup masyarakat ke arah kehidupan lebih sihat.

"Dalam merealisasikan harapan negara menjadi negara taman terindah menjelang 2020, usaha daripada semua pihak diperlukan. "Kesedaran mengenai pentingnya kawasan hijau wajar diterapkan kepada masyarakat bagi memastikan usaha membangunkan taman sentiasa berterusan bagi mencapai matlamat yang kita inginkan," katanya ketika melancarkan Program Hutan Kita □ Kiara di Taman Bukit Kiara, di sini semalam.

Turut hadir, isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah; Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komuniti, Datuk Peter Chin Fah Kui dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman. Pada majlis itu, Abdullah dan Jeanne selaku Pengerusi Panel Penasihat Lanskap Malaysia serta anak mereka, Nori menanam 15 pokok.

Perdana Menteri berkata, pelancaran program itu amat bermakna kepada warga Kuala Lumpur kerana kerajaan bersetuju mewartakan kawasan hijau Bukit Kiara sebagai tapak pembangunan Taman Persekutuan. Katanya, Hutan Kita-Kiara adalah program amat bermakna kerana mewujudkan lanskap semula jadi yang mampan dan berkekalan serta menjadi tanda bahawa kesedaran awam terhadap kepentingan alam sudah meningkat.

Pada sidang media, Perdana Menteri berkata, pelbagai jenis pokok yang ditanam di Hutan Kita-Kiara mempunyai keistimewaan seperti berbau harum dan buahnya boleh dimakan oleh burung berbeza seperti burung merbah, punai serta enggang. Sementara itu, Jeanne berkata, setiap pokok berharga RM60 yang ditanam di Hutan Kita akan mempunyai sijil hak milik dan dijaga sehingga pokok mampu membesar sendiri. "Pokok ini mempunyai jangka hayat yang panjang dan boleh dilihat oleh generasi kita akan datang," katanya.

## **16 Februari 2009 (Isnin)**

### **Pembahagian harta sudah berubah**

KUALA LUMPUR: Pentadbiran undang-undang Islam di negara ini membenarkan ahli keluarga simati menentukan pembahagian harta pusaka sekiranya mendapat persetujuan di kalangan mereka. Pengarah Projek Persidangan Musawah iaitu persidangan global bertemakan kesaksamaan dan keadilan dalam keluarga Islam, Zainah Anwar ,berkata pembaharuan pembahagian harta pusaka sudah banyak berlaku di negara Islam tetapi ia bergantung kepada mazhab. "Mengikut Mazhab Shafie dan Maliki, jika tiada waris lelaki, anak perempuan boleh mewarisi dua pertiga harta pusaka dan selebihnya diserahkan kepada Baitulmal. "Mazhab Hambali dan Hanafi pula, jika tiada waris lelaki, semua harta pusaka boleh diberi kepada anak perempuan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mashitah Ibrahim yang dilaporkan menyelar pihak yang mendesak peraturan wasiat dalam sistem faraid diubah. Pihak terbabit memberi alasan sistem itu lapuk dan mendiskriminasi wanita Muslim, kerana membuat dakwaan itu tanpa memahami Islam serta tidak bertanggungjawab terhadap agama sendiri. Katanya, peraturan sedia ada itu tidak perlu disemak semula mahu pun diubah kerana sistem faraid ditentukan Allah SWT dan bukan undang- undang buatan manusia.

Mashitah mengeluarkan kenyataan itu berikutan seorang peserta Persidangan Musawah, seorang penyelidik bebas, penulis dan jurulatih advokat hak asasi manusia, Cassandra Balchin yang sudah memeluk Islam, sebagai berkata peraturan wasiat dalam sistem faraid mesti

disemak semula. Musawah adalah persidangan global yang mempertemukan 200 sarjana dan aktivis dari 47 negara, termasuk 14 dari Asia Barat.

Sementara itu, peserta persidangan, Ketua Hakim Mahkamah Syariah Terengganu, Datuk Ismail Yahya, berkata sebelum pembahagian harta pusaka, waris hendaklah terlebih dulu menjelaskan hutang simati, kos pengurusan jenazah, memberi hak harta sepencarian kepada isteri dan menyelesaikan hibah, iaitu pemberian harta oleh simati ketika hidup. Katanya, hibah membolehkan seseorang ketika hidup menghadiahkan hartanya kepada sesiapa saja.

## **16 Februari 2009 (Isnin)**

### **Utara: JPN masih senarai hitam peniaga kes identiti diklon**

KANGAR: Seorang peniaga roti canai, di sini terkejut mendapati namanya masih disenarai hitam Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) walaupun kes identitinya yang dikesan diklon individu tertentu 23 tahun lalu dikatakan sudah diselesaikan. Justeru, Kamarul Zaman Hamid, 44, dari Taman Kemajuan, di sini bukan saja dinafikan pelbagai hak seperti pinjaman bank untuk membesarakan perniagaan kerana disalah tafsir sebagai muflis, tetapi turut dihalang keluar negara sejak 1986.

Paling memilukan, beliau tidak dapat menemankan anak sulungnya ke selatan Thailand untuk melangsungkan pernikahan dengan gadis pilihan di Pattani, tiga tahun lalu kerana Jabatan Imigresen Malaysia enggan mengeluarkan pas sempadan. Peniaga itu berkata, namanya disenarai hitam pada 1986 ketika berusia 21 tahun apabila JPN mengesan ada pertindihan identiti ketika beliau melaporkan kehilangan kad pengenalananya kepada jabatan terbabit. Oleh kerana kes itu serius, katanya, Pengarah JPN Perlis ketika itu sendiri mengendalikan laporan dibuatnya selepas musykil dengan kes pertindihan identiti itu.

“Ketika itu, saya terkejut melihat rekod JPN yang menunjukkan wajah individu lain berambut kerinting dan bertelinga capang dipercayai warga Indonesia menggunakan identiti saya untuk memohon kad pengenalan. “Bagaimanapun, selepas hasil siasatan dan temu duga, JPN negeri akhirnya yakin dengan kesahihan permohonan saya sebelum mengeluarkan kad pengenalan ganti,” katanya.

Beliau bagaimanapun terkejut apabila permohonannya untuk mendapatkan pinjaman bank sering ditolak dengan alasan namanya disenarai hitam, malah cubaan mendapatkan pas sempadan juga gagal atas sebab sama. Kamarul Zaman mendakwa, Jabatan Imigresen dan JPN negeri ketika ditanya mengenai isu berkenaan seolah-olah saling menyalahkan satu sama lain berbanding cuba menyelesaikan masalah dihadapinya. “Saya kecewa kerana permohonan mendapatkan pas sempadan untuk melawat cucu yang kini berusia enam bulan di Pattani, ditolak pihak Imigresen. Malah, mereka minta saya menghubungi JPN untuk pengesahan mengenai isu senarai hitam itu,” katanya.

**17 Februari 2009 (Selasa)**

## **Johor: Lantai 'perangkap' pembeli**

Oleh Junita Mat Rasid junita@bharian.com.my

### **Pengunjung Pasar Awam Maharani mudah tergelincir**

MUAR: Pengunjung Pasar Awam Maharani, dekat sini mengeluh mengenai keadaan lantai pasar itu yang bukan saja pecah, malah keadaannya yang licin menyebabkan ramai pengunjung terutama wanita sering terjatuh ketika membeli barang keperluan di pasar itu. Lantai pasar yang menggunakan jubin tidak sesuai dan licin selain keadaannya yang berair menyebabkannya ia berisiko tinggi menyebabkan pengunjung mudah tergelincir. Difahamkan dalam tempoh seminggu dikatakan beberapa pengunjung terjatuh tetapi berasib baik mereka tidak cedera.

Keadaan lantai yang basah dan licin itu menyebabkan keadaan tidak selesa, selain pakaian, kasut atau selipar pengunjung mudah kotor serta berbau busuk. Tinjauan mendapati keadaan jubin yang pecah dan tidak ditampal dengan sempurna memburukkan lagi keadaan, selain menyebabkan pemandangan yang menyakitkan mata.

Walaupun pasar itu dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu ikan, ayam, daging dan sayur, namun keadaan lantai licin itu tetap berlaku sehingga menyebabkan pengunjung terpaksa lebih berhati-hati. Setakat ini, tiada kecederaan serius dilaporkan, namun Berita Harian dimaklumkan beberapa tahun lalu, seorang pengunjung terjatuh sehingga menyebabkan tangan dan kakinya patah, manakala kes yang lain hanya membabitkan kecederaan ringan dan lebam.

Sehubungan itu, beberapa peniaga dan pengunjung pasar itu meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pihak berkenaan supaya mengambil tindakan segera bagi memastikan keselesaan pengunjung dan peniaga di pasar berkenaan. Mereka turut meminta pihak berkenaan supaya memastikan kemudahan awam itu sentiasa dalam keadaan selesa bagi tujuan keselamatan orang ramai.

Seorang suri rumah yang pernah terjatuh di pasar itu dan hanya mahu dikenali sebagai Azizah, 45, berkata beliau bukan saja terpaksa menanggung kesakitan, malah terpaksa menahan malu apabila secara tiba-tiba terjatuh ketika sedang membeli di pasar berkenaan. "Biasanya, saya memang berjalan berhati-hati ketika membeli keperluan di pasar itu kerana keadaannya yang licin dan pernah mendengar cerita ada orang yang terjatuh ketika membeli barang keperluan tetapi tidak menyangka akan terjadi pada diri sendiri," katanya.

**17 Februari 2009 (Selasa)**

### **Sabah&Sarawak: Pegawai pertanian diminta kerap turun padang**

KOTA BELUD: Pegawai agensi kerajaan yang bertanggungjawab memajukan sektor pertanian dan penternakan digesa lebih kerap turun padang bagi mendengar masalah petani dan penternak serta bukan hanya terperap dalam bilik berhawa dingin di pejabat. Ahli Parlimen Kota Belud, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata langkah itu penting bagi membantu menangani masalah dihadapi petani yang perlu berubah seiring kemajuan teknologi.

"Industri pertanian dan penternakan diberi penekanan oleh kerajaan kerana ia mampu menjana ekonomi masyarakat luar bandar. "Bagaimanapun, penekanan ini tidak akan membawa hasil jika tidak digerakkan sendiri oleh pegawai agensi kerajaan untuk mendengar masalah petani dan penternak serta mengambil inisiatif mengatasinya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan kenduri kesyukuran meraikan tuaian pertama projek ladang Bernas, di Kampung Kesapang, di sini semalam. Turut hadir, Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Musbah Jamli dan Ketua Pegawai Operasi Bernas, Muhamad Ramdan Yusof.

Projek perintis ladang Bernas itu membabitkan 96 petani dengan sawah seluas 201 hektar di Kampung Kesapang dan Kampung Taun Gusi. Projek dimulakan pada Ogos 2008 itu diusahakan bersama Jabatan Pertanian, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Kilang Padi Sri Bajau Sdn Bhd.

Abdul Rahman berkata, petani dan penternak harus mengikis fahaman kononnya bidang berkenaan hanya sesuai untuk mereka yang tidak berpelajaran tinggi. "Kita harus mengikis fahaman siapa yang tak ada pelajaran, jadi petani atau penternak. Di Barat, petani adalah penjana ekonomi negara mereka," katanya.

**17 Februari 2009 (Selasa)**

### **Timur: PBT diminta pamer maklumat ahli majlis**

KUALA BERANG: Semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini disaran mempamerkan gambar dan nombor telefon ahli majlis masing-masing bagi memudahkan rakyat mengemukakan cadangan atau melapor sebarang masalah yang berlaku di kawasan mereka. Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Tengku Putera Awang, berkata sebahagian besar masyarakat tidak tahu mengenai kewujudan dan fungsi ahli majlis, menyebabkan masalah penduduk lewat diselesaikan kerana tidak diadukan kepada ahli majlis yang sebenarnya adalah wakil terdekat mereka.

"Saya cadangkan supaya setiap PBT mempamerkan wajah dan maklumat mengenai ahli majlis supaya rakyat tahu siapa wakil mereka dan kepada siapa hendak dituju apabila timbul sebarang masalah atau rungutan serta bagaimana hendak mengemukakan cadangan untuk pembangunan di kawasan mereka. "Dengan ini tugas ahli majlis akan menjadi lebih mudah dan mereka akan lebih cepat memperoleh maklum balas dan maklumat daripada rakyat. Adalah sangat merugikan apabila rakyat tidak tahu peranan ahli majlis sebagai wakil mereka. Justeru, tindakan mempamer wajah dan maklumat ahli majlis di kawasan masing-masing adalah langkah terbaik untuk mengatasi masalah ini dan meningkatkan keberkesanannya tugas mereka," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pengakuan menerima jawatan Ahli Majlis Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT) 2009-2010 di Dewan MDHT di sini, semalam. Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Rozi Mamat; Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri, Ramlan Ali dan Yang Dipertua MDHT, Mohamad Nor Ibrahim. Seramai 24 ahli majlis dilantik bagi penggal 2009/2010 yang mana 22 daripadanya adalah muka baru terdiri daripada kalangan pegawai kerajaan, usahawan dan pegawai polis mengangkat sumpah penerimaan jawatan di hadapan Mohamad Nor di sini, semalam.

Tengku Putera yang juga Ketua Umno Bahagian Hulu Terengganu berkata, pihaknya juga akan sentiasa memantau prestasi tugas ahli majlis khususnya di MDHT bagi memastikan mereka menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan untuk berkhidmat kepada rakyat dengan baik. "Kita akan pantau ahli majlis ini. Kita tidak mahu dengar sebarang aduan daripada rakyat bahawa ahli majlis tidak buat kerja. Kita mahu mereka beri sumbangan sebanyak mungkin untuk memajukan kawasan masing-masing. Apabila kita jalankan tugas dengan baik, rakyat akan terus beri kepercayaan dan memberi kerjasama sewajarnya untuk memakmurkan PBT.

"Kebanyakan ahli majlis MDHT terdiri daripada jawatankuasa Umno bahagian, jadi setiap bulan saya akan minta laporan daripada mereka (ahli majlis) mengenai perkembangan tugas di kawasan masing-masing. Mereka ini dekat dan sangat hampir dengan rakyat, jadi kita harap mereka dapat memberi komitmen padu dalam tugas," katanya.

**17 Februari 2009 (Selasa)**

## **Rencana - Bajet mini pertingkat prestasi perbelanjaan awam**

Oleh Jami'ah Shukri [jamia@bharian.com.my](mailto:jamia@bharian.com.my)



**Sulaiman Mahbob**

**Pakej diharap bantu rangsang pertumbuhan ekonomi negara, galak tunai mengalir kepada orang ramai**

**UMUM sudah tahu krisis ekonomi sangat kini sudah melanda negara kita. Sejauh mana keadaan itu sekarang?**

Keadaan ekonomi bertambah meleset. Berdasarkan laporan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) bagi tahun ini menjangkakan ekonomi dunia akan berkembang 0.5 peratus. Dan bagi negara maju berkurangan kepada negatif dua peratus dan seperti perkembangan ekonomi dunia, di negara membangun agak baik. Ini bermakna pertumbuhan itu hanya dipacu oleh negara membangun seperti China, India, Korea dan negara Asean lain. Bagi tahun ini juga dijangka perdagangan antarabangsa akan mengalami pertumbuhan negatif pada kadar 0.8 peratus. Ini adalah jangkaan terakhir, berbanding jangkaan sebelum ini yang lebih baik. Namun krisis ekonomi itu turut menjelaskan ekonomi negara kita. Pada asalnya ekonomi negara dijangka tumbuh pada kadar 3.5 peratus tahun ini dengan mengambil kira penyediaan RM7 bilion pakej rangsangan ekonomi. Tanpa pakej ini, pada asalnya kita dijangka berkembang pada 7.5 peratus seperti yang dikemukakan ketika pembentangan Bajet 2009. Namun, pertumbuhan dijangka berkurangan jauh di bawah 3.5 peratus walaupun masih positif. Jangkaan akhir pertumbuhan ekonomi itu saya tidak boleh kemukakan sekarang kerana kita belum dapat kedudukan pada suku terakhir tahun lalu. Namun kita jangka pertumbuhan tahun ini lebih rendah tetapi masih pada paras positif.

**Berapa lama dijangka pertumbuhan ekonomi berada pada paras rendah dan apakah sektor yang terjejas?**

Ini bergantung bagaimana keadaan ekonomi dunia dan perdagangan antarabangsa. Kedudukan suku pertama bagi tahun ini, kita belum tahu. Agensi pusat seperti Kementerian Kewangan, Bank Negara dan EPU sendiri, sediakan apakah fokus dan unjurannya. Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengumumkan unjurannya di Parlimen Mac ini. Pada keseluruhannya, sektor yang terjejas membabitkan sektor eksport kerana mekanisme yang

datang dari luar negara ke sini sudah terjejas. Berbanding 1998, sektor yang menyebabkan kemelesetan adalah sektor kewangan dalam negeri. Untuk kali ini, eksport berkaitan pembuatan dan pengeluaran yang terjejas teruk dan kita perlu bersedia menghadapi keadaan ekonomi yang rendah.

**Kerajaan sudah mengumumkan pakej rangsangan RM7 bilion, tahun lalu dan dijangka akan membentangkan bajet mini tidak lama lagi, Apakah pandangan Tan Sri mengenai bajet mini ini?**

Bajet mini ini berada pada peringkat terakhir dan sedang diperhalusi oleh Kementerian Kewangan. Pakej rangsangan ini akan mengandungi pelbagai peruntukan tambahan. Itu sudah pasti. Cuma kita tidak tahu apakah bentuk pakej rangsangan itu. Mungkin ia membabitkan peruntukan tambahan di sektor tertentu, berunsur percukaian dan tindakan inisiatif untuk liberalisasi dan sebagainya. Kita perlu tingkatkan prestasi perbelanjaan awam. EPU juga sedang mengkaji apakah jenis projek yang boleh dilaksanakan dengan cepat supaya tunai itu akan mengalir kepada orang ramai. Dalam keadaan ini kita tidak boleh memutuskan sesuatu projek dengan serta-merta tanpa mengambil kira kepentingan dan keperluannya. Kita tunggu pembentangannya pada 10 Mac nanti.

**Apakah tumpuan yang perlu diberi kerajaan untuk menangani kemelut krisis ekonomi ini?**

Antaranya, pertama sektor yang perlu diberi penekanan ialah untuk memastikan rakyat mempunyai pekerjaan serta prospeknya. Kita mesti membantu supaya perniagaan berterusan dan usaha perlu ditingkatkan. Selain itu, kita mesti meningkatkan pembiayaan awam, projek mana yang perlu dipercepatkan atau sebaliknya. Kita sedang mengkaji projek mana yang perlu dan boleh dilaksanakan. Setiap hari kita ada kumpulan yang berbincang, berunding membabitkan pelbagai perkara untuk menstabilkan sektor tertentu. Seperti saya katakan tadi, sektor eksport terjejas teruk dan tumpuan kepada perbelanjaan dalam negeri iaitu pelaburan dan kegunaan. Unit Penyalaras Pelaksanaan akan memastikan tunai mengalir kepada orang ramai. Khamis lalu kita sudah bermesyuarat apakah bentuk projek yang boleh dipercepatkan. Kita tidak boleh membuat keputusan serta-merta, bimbang tidak sesuai. Kedua, kita ingin menarik pelaburan awam. Ketiga adalah penggunaan awam. Kita fokuskan kepada permintaan agregat dalam negeri yang mempengaruhi semua pelaburan dan penggunaan. Seperti Singapura, negara berkenaan bergantung semuanya kepada eksport. Tetapi, negara kita masih lagi mengeksport 85 peratus, import 15 peratus. Untuk itu, kita kena fokus perbelanjaan dalam negeri sebab kita ada potensi dalam penggunaan awam dan perbelanjaan kita sebagai individu serta perbelanjaan swasta.

**Berdasarkan angka, sudah ada petunjuk bahawa ekonomi negara mula menghadapi penguncutan. Sejauh mana kadar pengangguran dan pemberhentian kerja berlaku di negara ini?**

Pembuangan pekerja, sehingga 1 November 2008 hingga 3 Februari lalu membabitkan seramai 11,595, manakala pemberhentian sukarela seramai 2,752. Pemberhentian sementara lebih

kurang 45,000 (ia bermakna mereka memberhentikan kerja sementara untuk tempoh sebulan), yang membabitkan pemotongan gaji (18,811 orang). Ini menunjukkan pasaran guna tenaga sudah mula terjejas. Sejumlah besar yang terbabit ialah operator dan pekerja teknikal, mesin operator dan pemasangan loji dan mesin serta pekerja am. Ini menunjukkan betapa seriusnya kegawatan kali ini. Untuk pekerja profesional, 1,022 sudah dibuang kerja. Kini kita menilai kesan ke atas negara dan bagaimana nilai projek pembangunan. Kita mahu membelanjakan duit yang lebih dalam negara. Projek yang membabitkan import kita kurangkan. Yang boleh memberi faedah dalam kadar terdekat, kita galakkan. Kesan berganda yang kukuh seperti pembinaan kita galakkan untuk memusatkan ekonomi.

**Apa langkah kerajaan seterusnya dalam menghadapi dan menangani masalah ini supaya ia tidak terus pada paras yang terburuk?**

Kita tidak tahu apa berlaku dan adakah mungkin dalam tempoh sebulan lagi akan menjadi bertambah teruk. Bila semua negara menjadi lebih 'protective', fokus dalam negara berkurangan. Jadi keadaan ekonomi akan lebih menguncup. Pertama, bagaimana ia akan memberi kesan dan adakah situasi krisis ekonomi itu berada dalam tempoh masa yang lama atau tidak. Oleh itu keadaan ini memberi cabaran kepada pihak perancang dan penganalisis ekonomi. Kita juga perlu sentiasa memantau dan ketangkasannya kita memberi maklum balas yang bersesuaian pada situasi itu, amat penting. Bagaimana negara menanganinya? Bagaimana sektor swasta dapat membantu kerajaan? Kalau sektor swasta tidak mahu berbelanja, susah juga. Sektor swasta perlu ada peranan mereka. Bagaimana pegawai kerajaan pada peringkat pelaksana dapat merancang dengan lebih cepat, tepat dan berkesan untuk menghadapi cabaran dalam keadaan begini. Dalam keadaan eksport dan perdagangan negara yang berkurangan atau menguncup ini, bagaimana kita dapat terus mencari pasaran yang baru?